

05 JUL 2001

Majlis-Presiden

ARCHBISHOP SOTER FERNANDEZ ADALAH PRESIDEN MAJLIS YANG BARU

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Archbishop Roman Katolik Kuala Lumpur Anthony Soter Fernandez akan berkhidmat sebagai presiden Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia bagi penggal 2001/2002.

Beliau dilantik ke jawatan itu pada mesyuarat agung tahunan ke-19 majlis itu di sini semalam.

Archbishop Fernandez mengambil alih jawatan itu daripada A.Vaithilingam yang juga merupakan Presiden Malaysia Hindu Sangam. Jawatan presiden dipegang secara bergilir di kalangan empat agama itu.

Pemegang jawatan yang lain ialah : Harcharan Singh (naib presiden), R.Thiagarajah (setiausaha), Wong Kim Kong (penolong setiausaha), Sarath Surendre (bendahari) dan Ramjodh Singh (penolong bendahari).

Bercakap pada mesyuarat agung itu, Vaithilingam berkata majlis itu telah menyerahkan memorandum mengenai "kebebasan beragama di negara ini" kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad pada Disember lepas.

Antara perkara yang terkandung dalam memorandum itu ialah isu murtad, pendaftaran nama-nama Islam bagi kanak-kanak bukan Islam oleh pegawai Jabatan Pendaftaran dan "keputusan sembarangan" yang dibuat oleh pegawai kerajaan tempatan mengenai tempat sembahyang bukan Islam walaupun telah terdapat garis panduan yang liberal yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Selepas perbincangan yang panjang lebar, Perdana Menteri memberikan jaminan kepada kami bahawa kerajaan akan mengkaji dan menimbangkan perkara yang dibangkitkan itu," katanya.

Vaithilingam berkata majlis itu juga telah meminta Perdana Menteri menubuhkan Majlis Penasihat Antara Agama yang juga patut disertai orang Islam bagi mengadakan dialog dan mewujudkan persefahaman yang lebih baik antara satu sama lain.

-- BERNAMA

LYM ES RHM